



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijeipc.com



**MENYINGKAP TABIR BUDAYA SEDEKAH SEBAGAI SATU
PENDEKATAN DALAM KONSEP AL-FALAH KEUSAHAWANAN
ISLAM**

*REVEALING THE VEIL OF ALMS CULTURE AS AN APPROACH IN THE
CONCEPT OF AL-FALAH ISLAMIC ENTREPRENEURSHIP*

Saifulazry Mokhtar¹, Kasoma Thia^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Mohd Azri Ibrahim⁴, Mohd Nasrun Mohd Talib⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: kasomathia77@gmail.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msahaimi@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mohdazri@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: MU1921015T@student.ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.12.2022

Revised date: 15.01.2023

Accepted date: 20.02.2023

Published date: 01.03.2023

To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., & Talib, M. N. M. (2023). Menyingkap Tabir Budaya Sedekah Sebagai Satu Pendekatan Dalam Konsep *Al-Falah* Keusahawanan Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (49), 110-124.

DOI: 10.35631/IJEPC.849008

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstrak:

Sedekah merupakan salah satu instrumen kewangan Islam yang fleksibel dan universal. Ia tidak boleh digariskan dan ditentukan kepada siapa yang perlu diberikan dan apakah bentuk sedekah yang paling sesuai. Sesungguhnya sedekah itu boleh diberikan dalam apa-apa bentuk, kepada siapa yang diinginkan serta boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Sedekah juga merupakan salah satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam. Ini jelas terbukti dengan adanya ayat-ayat al-Quran dan hadis yang membicarakan tentang kelebihan bagi orang-orang yang melakukan sedekah. Sedekah juga merupakan satu indikator utama dalam menuju konsep *al-Falah* keusahawanan Islam sepertimana yang telah diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menyingkap tabir budaya sedekah sebagai salah satu pendekatan dalam konsep *al-Falah* keusahawanan Islam pada masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan melihat kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis serta kajian-kajian lepas berkaitan dengan konsep sedekah dalam skop keusahawanan Islam. Hasil dapatan kajian menemui enam bentuk sedekah

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



yang telah digarapkan oleh Islam seperti mengucap tasbih, tahlil dan tahmid, melakukan amal makruf dan mencegah kemungkaran, mengucap salam, bekerja dan memberi nafkah kepada keluarga, meringankan beban orang lain dan menziarahi orang sakit. Kajian ini turut mengupas berkaitan dengan keutamaan orang yang berhak menerima sedekah serta hikmah dan kelebihan bagi orang yang bersedekah. Oleh itu, hubungan budaya sedekah ini adalah sangat erat dengan konsep *al-Falah* dalam keusahawanan Islam dan perlu diterapkan oleh setiap usahawan Muslim.

Kata Kunci:

Budaya Sedekah, Konsep *Al-Falah*, Keusahawanan Islam, Sedekah

Abstract:

Alms is one of the flexible and universal instruments of Islamic finance. It cannot be outlined and determined to whom to give and what form of alms is most suitable. Indeed, alms can be given in any form, to whom they are desired and can be carried out at anytime and anywhere. Alms is also one of the most demanded worships in Islam. This is clearly evidenced by the existence of verses of the Quran and hadiths that speak of the advantages of those who do alms. Alms is also a key indicator in the concept of *al-Falah* of Islamic entrepreneurship as applied by the Prophet PBUH and his companions. Thus, this study is aimed at revealing the veil of alms culture as one of the approaches in the concept of *al-Falah* Islamic entrepreneurship today. This study uses the method of analyzing documents by looking at the verses of the Quran and hadiths as well as past studies related to the concept of alms in the scope of Islamic entrepreneurship. The findings of the study found six forms of alms that have been used by Islam such as saying tasbih, tahlil and tahmid, doing good deeds and preventing disobedience, saying hello, working and providing nafkah to the family, easing the burden of others and visiting the sick. This study also discussed the priorities of those who are entitled to receive alms as well as the wisdom and advantages of those who give alms. Therefore, the cultural relationship of alms is very close to the concept of *al-Falah* in Islamic entrepreneurship and should be applied by every Muslim entrepreneur.

Keywords:

The Culture of Alms, The Concept of *Al-Falah*, Islamic Entrepreneurship, Alms

Pengenalan

Pengertian sedekah adalah amat luas maksudnya dan berbeza dengan apa yang difahami oleh masyarakat menurut kebiasaan iaitu memberi seseorang makanan, pakaian atau wang ringgit. Sebenarnya makna sedekah adalah lebih luas dari pengertian tersebut iaitu meliputi segala sesuatu yang dilakukan dengan ikhlas, sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW yang mencakupi apa sahaja bantuan, pertolongan dan sesuatu pemberian yang boleh mengembirakan saudara mara, rakan taulan atau sesiapa sahaja yang dikenali atau yang tidak dikenali. Konsep sedekah juga luas dan tidak hanya tertumpu kepada aspek fizikal sahaja seperti wang dan harta sahaja sehingga senyuman yang diberikan dengan ikhlas juga disifatkan sebagai salah satu sedekah

Istilah sedekah adalah berasal daripada kata kerja صدق dalam Bahasa Arab yang membawa kepada empat pengertian iaitu benar, lurus, orang yang memiliki sifat-sifat terpuji yang

sempurna dan perkara yang diberikan kepada orang fakir kerana Allah SWT. Jadi dapat disimpulkan bahawa sedekah merujuk kepada pemberian seseorang kepada seseorang lain yang dalam kesusahan (fakir) dengan ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa balasan dari mereka yang menerima sedekah tersebut. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 8 yang bermaksud:

“Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka Dengan kata-kata yang baik.”

(Surah al-Nisa' 4:8)

Ayat di atas membuktikan bahawa pemberian sedekah kepada kaum kerabat dan fakir miskin adalah sangat dituntut oleh Agama Islam. Perkataan sedekah berasal daripada perkataan *al-Shadaqah*. Secara bahasanya bermaksud sesuatu yang dijadikan sedekah. Perkataan ini diambil daripada perkataan *sha-da-qa* صدق. Perkataan *shadaqah* صدقة diambil dari perkataan *al-Sidq* yang bermaksud benar kerana ia menunjukkan ibadah yang benar kerana Allah SWT. Menurut al-Jurjani sedekah adalah pemberian yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang yang lain hanya untuk mengharapkan pahala dari Allah SWT. Sedekah adalah harta yang dikeluarkan oleh manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti zakat. Bezanya, sedekah adalah sunat, manakala zakat adalah wajib.

Dari segi istilah pula, sedekah pada asalnya perkata bahasa Arab صدقة yang bermaksud suatu pemberian yang diberikan oleh seorang Muslim kepada orang lain secara spontan atau sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan tempat. Sedekah juga boleh diertikan sebagai pemberian yang diberikan oleh individu yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata dan bukannya kerana dahagakan pujian masyarakat. Sebagai mana firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 114 yang bermaksud:

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang Yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. dan sesiapa Yang berbuat demikian Dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala Yang amat besar.”

(Surah al-Nisa' 4:114)

Tuntasnya, dapatlah dirumuskan di sini bahawa sedekah adalah sesuatu pemberian ikhlas sama ada benda itu sesuatu yang disayangi atau tidak ataupun apa-apa juga bantuan, pertolongan dan senyuman yang dilakukan dengan seikhlas hati dengan mengharapkan pembalasan dari Allah SWT. Asas penting yang perlu ada dalam sedekah adalah keikhlasan dan bukan bergantung kepada banyak mana sumbangan dan sedakah yang dihulurkan. Ini bererti setiap sesuatu pemberian itu tidak memerlukan pembalasan dari mereka yang diberi atau mereka yang dibantu dan setiap sedekah tersebut boleh dimanfaatkan oleh orang lain. Amalan bersedekah juga merupakan satu tambah nilai dalam catatan buku amalan kebajikan seseorang Muslim kerana tidak ada kerugian dan berkurang sedikitpun harta orang yang bersedekah kerana Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Tidak akan berkurang harta orang bersedekah”*. Oleh itu sebagai orang yang beriman perlulah kita sedar bahawa setiap rezeki yang dimiliki itu harus disedekahkan kepada golongan yang memerlukan sebagai rasa syukur kepada Allah SWT.

Kajian Literatur

Sebelum melangkah lebih jauh kepada perbincangan berkaitan dengan *Menyingkap Budaya Sedekah Sebagai Satu Pendekatan dalam Konsep al-Falah Keusahawanan Islam*, terlebih dahulu kita lihat kajian lepas berkaitan dengan budaya sedekah, konsep al-Falah serta keusahawanan Islam. Sorotan literatur ini dilihat secara menyeluruh berdasarkan kepada kata kunci dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian Osman dan rakan-rakan (2019), menjalankan kajian terhadap kepentingan menerapkan amalan sedekah dalam kalangan mahasiswa. Kajian tersebut mendapati amalan sedekah dalam kalangan mahasiswa ini terlaksana disebabkan Penguasaan Ilmu Agama (92%), Ihsan (100%) dan Sosialisasi Agama Ibu Bapa (99%). Kajian Othman dan rakan-rakan (2021b) pula dijalankan bagi mengenal pasti pelbagai jenis program pembangunan kerajaan bagi menyokong usahawan, di samping mewujudkan perusahaan yang kukuh dan berdaya saing. Kajian beliau turut membincangkan berkaitan kepentingan Dasar Keusahawanan Negara dalam aspek cabaran budaya dan memperkasa usahawan tempatan, integrasi teknologi dalam pembangunan keusahawanan dan inisiatif ekosistem lestari.

Menerusi kajian Ripin dan Mansur (2010) pula bertujuan untuk mengkaji keusahawanan menurut perspektif al-Quran yang meliputi aspek-aspek konsep, etika dan bidang keusahawanan. Hasil kajian beliau mendapati keusahawanan merupakan salah satu bidang yang dapat menjana ekonomi umat Islam dan ia perlu kepada garis panduan yang betul dalam menjalankan aktiviti keusahawanan sama ada dalam bidang pertanian, penternakan, perlombongan, perikanan dan perusahaan. Bagi kajian Abd Muin dan rakan-rakan (2015) pula bertujuan untuk mengenalpasti konsep dan amalan yang dipraktikkan dalam keusahawanan sosial Islam. Hasil dari kajian yang dijalankan oleh mereka menunjukkan terdapat beberapa konsep dan amalan yang perlu diutamakan dalam mencapai matlamat keusahawanan sosial Islam berdasarkan kerangka Islam (akidah, syariah, dan akhlak). Kajian turut menemui sepuluh jenis konsep dan enam bentuk amalan yang kerap dipraktikkan dalam keusahawanan sosial.

Dalam fenomena Pandemik Covid-19 banyak lapisan masyarakat terkesan dengan sumber ekonomi dan pendapatan. Justeru, Mohamed & Mohd Shafiai (2021) telah menjalankan kajian berkaitan dengan *Peranan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah dan Wakaf Dalam Sekuriti Makanan di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis*. Hasil kajian beliau mendapati pihak pentadbiran ZISWAF bertindak balas mengikut empat garis tindakan yang digunakan dalam Program Tindak Balas Krisis Makanan Global iaitu bertindak dalam mengawal dan menstabilkan harga, bertindak mengukuhkan stok penimbun, bertindak untuk mewujudkan jaringan keselamatan makanan dan dapat bertindak merangsang tindak balas penawaran bekalan dalam pertanian dalam memastikan hak golongan terkesan dibela. Kajian Abdullah (2013) pula bertujuan untuk melihat peranan yang boleh disumbangkan oleh individu Muslim melalui budaya infaq untuk dimanfaatkan, khususnya dalam pembangunan insan. Beliau mendapati, elemen infaq seperti yang diutarakan oleh Islam merupakan sebahagian daripada mekanisme terbaik yang boleh menyumbang kepada pembangunan insan secara holistik. Amalan infaq yang dihayati tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial yang perlu ditunaikan oleh setiap individu Muslim berdasarkan kepada kemampuan, kepakaran, dan ketaqwaan yang dimiliki oleh setiap individu Muslim. Terdapat juga kajian yang mengaitkan konsep dakwah dalam keusahawanan Islam yang dikaji oleh sarjana.

Kajian Maidin dan rakan-rakan (2021) meninjau usaha dakwah dalam memperkasa bidang keusahawanan agar umat Islam sentiasa bermotivasi. Dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat beberapa bentuk motivasi dakwah yang menjadi pembakar semangat dalam aspek

keusahawanan Islam seperti jihad ekonomi, ibadat zakat, amalan sedekah, pementoran, etika dan akhlak dalam perniagaan, serta melazimkan zikir dan doa harian merupakan langkah positif ke arah pembentukan usahawan-usahawan yang cemerlang di dunia dan akhirat. Manakala dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021b) pula bertujuan untuk melihat dakwah bil akhlak kontemporari seseorang usahawan dapat memenuhi konsep keusahawanan Islam serta bentuk-bentuk akhlak yang dikehendaki oleh Islam bagi seseorang usahawan. Hasil kajian mendapati pendekatan dakwah bil akhlak kontemporari sangat memberikan kesan positif terhadap konsep keusahawanan Islam dengan mengaplikasikan akhlak-akhlak yang murni seperti jujur, benar, amanah, bertanggungjawab, ikhlas, menepati janji, sabar, adil, berilmu pengetahuan, bersyukur, optimis dan berserah diri kepada Allah SWT sepertimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Sementara Moharam dan rakan-rakan (2021) pula menjalankan kajian bagi mengenalpasti cabaran para keusahawanan tuisyen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam menggunakan kaedah interaktif bagi matapelajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian mendapati terdapat tiga bentuk cabaran utama para keusahawanan yang juga pengajar tuisyen PdP dalam menggunakan kaedah interaktif iaitu pembelajaran kewangan, kemahiran ICT dan sosioekonomi pelajar. Sementara kajian Othman dan rakan-rakan (2021a) pula membincangkan pengetahuan umum dan pemahaman literasi pendidikan keusahawanan dalam era transformasi digital. Graduan yang menghadapi krisis pengangguran pasca pandemik Covid-19 merupakan fokus utama kajian. Kajian beliau juga turut membincangkan kerjasama dan komitmen industri antara institusi pengajian tinggi sangat erat serta memberi banyak manfaat kepada graduan, terutamanya dalam mengatasi krisis pengangguran siswazah Malaysia.

Selain itu, pengkaji turut melihat sorotan literatur berkaitan dengan konsep *al-Falah* yang dijalankan oleh para sarjana. Kajian Mohktar dan rakan-rakan (2021a) bertujuan untuk melihat saranan dan pandangan al-Qurtubi dalam konsep *al-Falah* menerusi aspek keusahawanan serta mengaitkan pandangan tersebut dengan realiti kehidupan masyarakat hari ini. Dapatan kajian beliau menemui lima konsep yang telah disarankan oleh al-Qurtubi bagi merealisasikan konsep *al-Falah* dalam keusahawanan menurut kacamata Islam. Konsep *al-Falah* yang dimaksudkan termasuklah *al-Rizqun al-Halal*, *qanā'ah*, *taufik*, *sa'ādah* dan *Jannah*. Tambahan beliau lagi, pelaksanaan konsep *al-Falah* perlulah dilunaskan selari dan sejajar dengan kelima-lima aspek ini kerana tanpa adanya salah satu unsur tersebut dalam bidang keusahawanan, maka konsep *al-Falah* tidak akan tercapai. Dengan sorotan literatur yang dijalankan, kaitan budaya sedekah dengan konsep *al-Falah* keusahawanan Islam belum pernah dilaksanakan sebagai wadah dalam kecemerlangan dan kejayaan seorang usahawan Muslim.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu melihat kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis serta kajian-kajian lepas berkaitan dengan konsep sedekah dalam Islam dan kaitannya dengan skop keusahawanan Islam. Data-data diambil menerusi saranan al-Quran dan hadis serta dikaitkan dengan konsep *al-Falah* menurut pandangan al-Qurtubi. Kupasan data-data tersebut turut diperkukuhkan lagi dengan mengambil pandangan dan pendapat sarjana-sarjana dalam kajian yang telah mereka jalankan sebelum ini. Dapatan kajian ini dianalisis berdasarkan kepada konsep *al-Falah* yang dikemukakan oleh al-Qurtubi sebagai indikator kepada kejayaan dalam sektor keusahawanan Islam.

Perbincangan

Sebelum mengupas lebih lanjut berkaitan dengan hubungkait konsep sedekah dengan konsep *al-Falah* dalam keusahawanan Islam, terlebih dahulu kita lihat dan kupaskan berkaitan dengan jenis-jenis sedekah yang dianjurkan oleh Islam. Dari kajian yang telah dijalankan, terdapat berbagai-bagai jenis sedekah yang telah dianjurkan oleh baginda Rasulullah SAW untuk kaum Muslimin. Amalan sedekah bukan hanya dihadkan kepada harta dan kebendaan semata-mata, tetapi ia meliputi segala sesuatu yang dilakukan dengan ikhlas tanpa mengharap balasan dari seseorang. Secara umumnya, sedekah boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sedekah wajib dan sedekah sunat. Antara sedekah yang wajib bagi seseorang Muslim itu adalah sedekah yang difardhukan oleh syariat ke atas harta (zakat), sedekah yang diwajibkan ke atas tubuh badan bagi menampung kekurangan yang berlaku pada puasa fardu (zakat fitrah), sedekah yang difardhukan oleh seseorang ke atas dirinya dengan jalan nazar dan sedekah yang difardhukan oleh syariat ke atas seseorang bagi menunaikan hak Allah SWT (fidyah dan kifarah).

Para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa istilah sedekah pada umumnya adalah sedekah secara sukarela, kepada sesiapa sahaja dan di mana jua. Terdapat berbagai-bagai jenis sedekah antaranya adalah seperti hadis yang diriwayatkan oleh Sahih Bukhari dan Muslim yang bermaksud: *“Rasulullah saw bersabda: Setiap sendi tubuh badan manusia itu menjadi sedekah untuknya pada setiap hari matahari terbit, kamu melakukan keadilan diantara dua orang yang berselisih faham adalah sedekah. Kamu membantu orang yang menaiki kenderaan atau kamu mengangkat barang-barang untuknya ke dalam kenderaan adalah sedekah. Perkataan yang baik adalah sedekah, setiap langkah kamu berjalan untuk menunaikan solat adalah sedekah dan kamu membuang barang-barang yang menyakiti di jalan adalah sedekah”*.

Rasulullah SAW menjelaskan kepada umatnya bahawa sedekah ini mempunyai bentuk-bentuk yang luas dan tidak tertumpu kepada harta benda semata-mata. Ini kerana terdapat sahabat-sahabat baginda yang sedih kerana tidak mempunyai harta yang banyak untuk bersedekah, kerana mereka bukanlah tergolong dalam kalangan orang yang berada. Lalu Rasulullah menjelaskan bahawa sedekah itu antaranya adalah seperti berikut:

Mengucap Tasbih, Tahlil, Tahmid dan Tafakkur

Rasulullah menggambarkan bahawa setiap kali seseorang Muslim itu mengucapkan tasbih, tahlil, tahmid dan tafakkur ia termasuk dalam kategori sedekah. Ini kerana setiap lafaz tasbih, tahmid, tahlil dan tafakkur mempunyai nilai disisi Allah SWT kerana hambanya sentiasa mengingati, memuji dan mengagungkan Allah SWT pemilik sekalian alam. Bahkan zikir-zikir lain juga boleh dikategorikan sebagai sedekah. Hal ini sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Dari Aisyah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda “bahawa diciptakan dari setiap anak cucu adam tiga ratus enam puluh persendian. Maka barang siapa yang bertakbir, bertahmid, bertasbih, beristighfar, menyingkirkan batu, duri atau tulang dari jalan, amar maaruf nahi mungkar. Semuannya akan dihitung sejumlah tiga ratus enam puluh persendian. Dan ia sedang berjalan pada hari itu, sedangkan ia dibebaskan diri dari api neraka”* (Riwayat Muslim). Berdasarkan hadis tersebut membuktikan bahawa dengan sekadar bertasbih, tahmid dan tahlil sudah dikira sebagai sedekah. Menurut Hasbullah (2000), tafakkur bererti berfikir atau merenung keindahan perbuatan Allah SWT, rahsia-rahsia kejadian dan segala yang dikandung dalam alam raya ini, manfaat, nikmat dan rahsia-rahsianya yang mengarah kepada suatu tujuan yang benar dan berguna sebagai bukti kekuasaan dan keagungan Allah SWT. Oleh yang demikian maka mustahil kita sebagai hambanya tidak dapat melakukan sedekah. Walaupun tidak mempunyai harta bertimbang tapi mampu bersedekah. Ini membuktikan bahawa Allah SWT bersifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* terhadap hambanya.

Dalam menggapai konsep *al-Falah* menerusi keusahawanan Islam, para usahawan perlulah menjadikan amalan bersedekah sebagai salah satu dari santapan harian yang mesti dipenuhi. Bersedekah dalam konteks mengucap tasbih, tahlil dan tahmid ini bukanlah suatu bentuk sedekah yang sukar dilakukan oleh usahawan kerana ia tidak memerlukan modal yang besar untuk dilaksanakan. Amalan bersedekah dengan cara ini hanya memerlukan kekuatan dan kekentalan hati dalam beribadah kepada Allah SWT. Dewasa ini, ramai dalam kalangan usahawan yang telah menerapkan budaya sedekah ini dalam landskap perniagaan mereka sehinggakan perniagaan mereka dikunjungi ramai pelanggan. Terdapat sesetengah usahawan kini yang membuka rakaman bacaan ayat-ayat suci al-Quran, zikir-zikir munajat, tasbih, tahlil dan tahmid dalam permiss perniagaan yang dijalankan sebagai satu ‘pelaris’ kepada perniagaannya. Fahaman ini sebenarnya telah terpesong dengan tuntutan asal bersedekah kerana galakan bersedekah secara bertasbih, tahlil dan tahmid dituturkan oleh usahawan itu sendiri dan menanam niat untuk beribadah kepada Allah SWT dan bukannya dijadikan sebagai ‘pelaris’ untuk menarik pelanggan hadir ke premis perniagaannya.

Melakukan Amal Maaruf dan Mencegah Kemungkaran

Melalui hadis di atas juga Rasulullah SAW menjelaskan melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran juga boleh dikategorikan sebagai sedekah. Amal makruf dan nahi mungkar memerlukan pengorbanan seseorang individu kerana untuk merialisasikan kebaikan dan mencegah kemungkaran bukan perkara yang mudah, ia memerlukan tenaga, pemikiran, waktu dan sumber kewangan yang cukup. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021d), menerusi praktikkan daripada amar makruf nahi mungkar ini juga diharapkan akan lahir peribadi-peribadi yang cintakan kedamaian, keharmonian dan kasih sayang antara satu sama lain. Sebagai contoh semasa Rasulullah menakluki Makkah dan merobohkan berhala yang berada disekeliling Kaabah memerlukan tenaga dan kekuatan iman umat Islam. Malah jiwa juga turut terkorban. Oleh yang demikian maka amal makruf dan nahi mungkar selayaknya diberikan pahala sedekah. Allah SWT berfirman dalam surah Ali Imran ayat 110 yang bermaksud:

“Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

(Surah Ali Imran 2:110)

Nabi Muhammad SAW turut mengajar umatnya agar melaksanakan amal makruf dan mencegah kemungkaran sebagai salah satu bentuk sedekah. Dalam konteks mencapai *al-Falah* menerusi keusahawanan Islam, para usahawan perlu mengaplikasikan sedekah ini dalam setiap transaksi perniagaannya. Di antara cara dan kaedah sedekah ini diterapkan dalam keusahawanan Islam adalah melalui sifat kejujuran seseorang usahawan itu sendiri. Sebagai seorang usahawan Muslim, kita hendaklah bersifat jujur dengan perniagaan yang kita jalankan bagi mendapat rahmat dan pahala dari Allah SWT. Para usahawan perlu mengelakkan sebarang penipuan dalam urusan jual beli kerana sikap ini boleh menghilangkan keberkatan rezeki yang kita perolehi. Bercakap benar serta jujur termasuk dalam sifat terpuji dan mahmudah yang perlu ada dalam setiap diri seorang Muslim (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c) dan setiap manusia perlu menitikkan unsur-unsur jujur dan ikhlas dalam komunikasi yang digunakan pada setiap ruang kehidupan (Mokhtar & rakan-rakan, 2022). Di antara perbuatan kemungkaran dalam

keusahawanan Islam adalah seperti mengubah tarikh luput barangan, meletakkan barangan yang bagus di sebelah atas dan barangan tidak bagus di sebelah bawah, mengatakan barangan baharu sahaja sampai sedangkan ia sudah lama dan sebagainya. Sekiranya seseorang usahawan itu melakukan sifat terkeji ini dalam perniagaannya, maka nilai sedekah baginya sudah hilang dan kemurkaan Allah SWT pula menghampirinya Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021a), Islam melarang keras umatnya untuk mendapatkan rezeki dari hasil kejahatan, kemaksiatan, kekerasan, perjudian, pemalsuan dan perbuatan-perbuatan yang jelas melanggar hak-hak seorang Muslim. Menurut al-Qaradāwī (2001) dalam membincangkan soal nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam dengan mengatakan bahawa keusahawanan sebagai suatu bentuk ibadah melalui aktiviti ekonomi dalam pelbagai sektor (pengeluaran dan perkhidmatan), yang memberi manfaat kepada manusia untuk meningkatkan taraf atau keperluan kehidupan agar menjadi lebih sempurna dan sejahtera mengikut neraca Ilahi.

Mengucap Salam

Setiap muslim digalakkan untuk mengucap salam dalam kehidupan seharian mereka. Hukum memberi salam adalah sunat manakala menjawab salam adalah wajib. Ucapan salam juga merupakan ucapan ahli syurga. Oleh yang demikian setiap Muslim yang mengucapkan salam akan mendapat pahala sebagaimana pahala sedekah, seperti salam ketika bertemu, mengucap salam kepada orang yang dikenali atau tidak merupakan sedekah. Ucapan salam yang betul seperti, *و عليكم السلام* dan jawab salam juga perlulah mengikut apa yang telah disarankan oleh Rasulullah SAW iaitu *و عليكم السلام*. Mengucapkan salam juga termasuk dalam bentuk sedekah yang dipacu oleh Rasulullah SAW kepada umat manusia. Bagi merealisasikan konsep *al-Falah*, para usahawan perlu menjadikan ucapan salam ini sebagai salah satu indikator utama sebelum proses transaksi perniagaan dijalankan. Para usahawan Muslim perlulah mengucapkan salam kepada pelanggan yang datang berkunjung ke premisnya sama ada mereka ingin membeli ataupun tidak. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022), seseorang individu yang baik sifatnya akan sentiasa menjaga ucapannya dalam segenap sudut kehidupannya. Dalam hal ini, seseorang usahawan itu perlulah mengenali agama yang dianuti oleh pelanggan tersebut agar mereka tidak salah dalam mengucapkan salam. Dengan terbinanya nilai sedekah dengan memberi salam kepada pelanggan, maka sudah pasti konsep *al-Falah* keusahawanan Islam dapat diteruskan kepada generasi akan datang.

Bekerja dan Memberi Nafkah kepada Keluarga

Keluarga merupakan golongan yang paling dekat dengan kita. Sebagai anggota keluarga jika suami bekerja untuk menyara ahli keluarga merupakan sedekah, isteri yang bekerja dengan izin suami dan membantu suami dalam urusan kewangan keluarga juga dinamakan sedekah. Malah apa sahaja yang diberikan demi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT kepada keluarga terdekat yang terdiri daripada adik beradik, saudara mara malah jiran terdekat juga amat digalakan dan lebih afdal. Pemberian sedekah ini akan mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan seperti mana yang disarankan oleh Islam. Dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: “Dari al-Miqdan bin Ma’dikarib al-Zubaidi dari Rasulullah SAW bersabda “*Tidaklah ada suatu pekerjaan yang paling mulia dilakukan oleh seorang hamba melainkan pekerjaan yang dilakukan dari tangannya sendiri. Dan tidaklah seseorang menafkahkan hartanya terhadap diri, keluarga, anak dan pembantunya melainkan akan menjadi sedekah*” (Riwayat Ibnu Majah).

Berdasarkan kepada hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa nilai sedekah itu turut meliputi menyara ahli keluarga dan kaum kerabat terdekat. Ini bermaksud sedekah bukan hanya diberikan kepada orang lain tetapi turut boleh diberikan kepada ahli keluarga. Sebagai seorang

usahawan, kita juga boleh mengadaptasi konsep sedekah ini dalam kehidupan bagi memastikan matlamat *al-Falah* dalam keusahawanan Islam tercapai. Sedekah bukanlah memerlukan modal yang besar untuk dilaksanakan tetapi ia mengikut kemampuan seseorang. Jika kita mempunyai rezeki yang banyak dari hasil perusahaan kita, mungkin kita boleh bersedekah dengan kadar yang banyak. Tetapi, jika hasil jualan kita tidak mencapai tahap mengembalikan modal, cukup sekadar kita melakukan bentuk-bentuk sedekah yang lain. Memberi makan dan minum walaupun sesuap nasi kepada anak-anak atau saudara mara terdekat juga sudah tergolong dalam amalan sedekah.

Meringankan Beban Orang Lain

Rasulullah SAW turut mengajarkan kepada kita bahawa membantu orang lain dalam kesusahan juga merupakan salah satu dari bentuk sedekah. Ini menunjukkan bahawa konsep sedekah itu sebenarnya sangat luas dan bukan sepertimana yang kita sangkakan sebelum ini dengan merujuk kepada sumber kewangan semata-mata. Di antara perkara-perkara yang termasuk dalam meringankan urusan orang lain termasuklah menghantar jiran ke hospital, membuang barang atau sampah yang menghalang jalan raya, membantu mereka yang memerlukan dan sebagainya. Setiap manusia tidak mempunyai masalah yang sama dalam kehidupan mereka. Ada kalanya seseorang itu memerlukan apa yang tidak kita perlukan dan begitu juga dengan kita. Dalam hal ini, kita perlulah saling bantu membantu serta memudahkan urusan orang lain kerana sikap ini merupakan suatu perkara yang dituntut dalam Islam. Oleh yang demikian, jika ada seseorang yang datang menghampiri kamu untuk meminta hajat, maka segerakanlah menghulurkan bantuan kepada mereka yang berada dalam kesusahan kerana setiap kali kita memudahkan urusan orang lain, sudah pasti Allah SWT akan memudahkan urusan kita suatu hari kelak.

Dengan perkembangan teknologi kini, budaya sedekah telah menjadi lebih mudah, cepat dan pantas tanpa terikat dengan masa dan tempat. Jarak untuk bersedekah juga bukanlah penghalang bagi kita di era globalisasi ini. Sebagai contoh melalui media massa banyak memaparkan golongan yang memerlukan bantuan seperti pesakit kronik, fakir miskin, rumah anak-anak yatim, maahad tahfiz dan sebagainya yang memerlukan bantuan kewangan, barang keperluan dan tempat tinggal. Cara sedekah juga boleh dilakukan melalui aplikasi canggih sama ada menerusi pesanan ringkas SMS, pemindahan wang ke akaun bank, melalui badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan dan NGO dan sebagainya. Rasulullah juga bersabda bahawa setiap orang yang menyelesaikan kesusahan dan melepaskan saudara kita daripada kesempitan, maka ia dikira sebagai sedekah sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Setiap muslim wajib bersedekah. Para sahabat bertanya, bagaimana kalau dia tidak memiliki sesuatu? Nabi SAW menjawab, “Bekerja dengan keterampilan tangannya untuk kemanfaatan bagi dirinya lalu bersedekah”. Mereka bertanya lagi. Bagaimana kalau dia tidak mampu? Nabi menjawab, “Menolong orang yang memerlukan yang sedang teraniaya.” Mereka bertanya “Bagaimana kalau dia tidak melakukannya? Nabi menjawab: Menyuruh berbuat ma'ruf. Mereka bertanya: Bagaimana kalau dia tidak melakukannya? Nabi SAW menjawab, “Mencegah diri dari berbuat kejahatan itulah sedekah”* (Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).

Jika dilihat dari sudut keusahawanan Islam, nilai sedekah ini sangat tinggi kedudukannya. Sebagai seorang usahawan Muslim, kita perlulah bersiap sedia untuk membantu mereka-mereka yang memerlukan sebarang bantuan sekadar yang kita mampu. Sebagai contoh, kita sering melihat golongan gelandangan yang ada di sekitar bandar, kota, pekan dan sebagainya yang berusaha mencari makanan di merata tempat untuk menyara hidupnya. Jadi, jika ada

usahawan yang berniaga di restoran, kedai makan, gerai makan dan sebagainya tidak ada ruginya jika kita memberikan sedikit makanan kepada golongan tersebut untuk membantu kelangsungan kehidupan mereka. Berkongsi-kongsi rezeki dengan orang lain kadang-kadang lebih membawa erti dalam kehidupan kita dan akan diganjar pahala oleh Allah SWT. Dengan menerapkan budaya sedekah ini dalam diri setiap usahawan Muslim, sudah pasti mereka akan tergolong dalam usahawan yang mencapai konsep *al-Falah* keusahawanan Islam. Menurut Siddiqi (1979) berdasarkan falsafah al-Quran, semua aktiviti manusia harus berpandukan ke arah untuk mencapai kejayaan dalam kesejahteraan hidup di dunia dan juga akhirat.

Menziarahi Orang Sakit

Secara realitinya, setiap manusia yang hidup di dunia ini tidak boleh hidup secara bersendirian kerana naluri manusia memerlukan teman untuk berkongsi masalah. Oleh yang demikian hubungan silatullah ini dapat dipupuk dengan amalan ziarah-menziarahi sama ada ketika sihat atau ketika sakit. Menziarahi orang sakit dan mendoakan mereka adalah salah satu bentuk sedekah yang sangat dituntut dalam Islam. Ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Iman Ahmad yang bermaksud: *“Dari Abu Ubaidah bin Jarrah RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: barang siapa yang menginfakkan kelebihan hartanya di jalan Allah akan melipatgandakannya dengan tujuh ratus (kali ganda). Dan barang siapa yang menginfak untuk dirinya dan keluarganya, atau menjenguk orang sakit, atau menyingkirkan duri, maka mendapat kebaikan dengan sepuluh kali ganda.*

Berdasarkan kepada hadis tersebut jelas menggambarkan kepada kita bahawa nilai sedekah yang dilakukan oleh seseorang Muslim dengan niat ikhlas kerana Allah SWT akan mendapat ganjaran yang sangat mulia sehingga digandakan pahalanya sebanyak sepuluh kali ganda. Seseorang yang melepaskan ruang dan peluang untuk menambah nilai pahala sedekah ini adalah sangat rugi. Tujuan utama sedekah ini adalah untuk menyucikan jiwa dan hati seseorang yang selama ini seringkali lalai dan leka dengan perintah Allah SWT. Mentaliti dan pemikiran umat Islam hari ini masih menghubungkan sedekah dengan kebendaan semata-mata tanpa melihat konsep sedekah secara umumnya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Orang-orang (munafik) yang mencela sebahagian dari orang-orang yang beriman mengenai sedekah-sedekah yang mereka berikan dengan sukarela, dan (mencela) orang-orang yang tidak dapat (mengadakan apa-apa untuk disedekahkan) kecuali sedikit sekadar kemampuannya, serta mereka mengejek-ejeknya, Allah akan membalas ejek-ejek mereka, dan bagi mereka (disediakan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Surah al-Taubah:79)

Berdasarkan dalil al-Quran tersebut jelas membuktikan kepada umat Islam sebenarnya sedekah bukan sahaja dalam bentuk kebendaan tetapi bagi yang tidak mampu mereka juga boleh bersedekah dengan doa dan tenaga seperti menjadi sukarelawan, memberi senyuman, mendamaikan dua orang yang berbalah dan sebagainya. Dalam konteks keusahawanan Islam pula, mungkin kita tidak dapat selalu untuk menziarahi para pelanggan yang sakit dan tidak sihat. Namun, sebagai seorang usahawan dan saudara seislam, kita perlulah panjatkan doa kehadrat Allah SWT supaya mereka kembali sembuh seperti sediakala. Sikap dan amalan ini turut tergolong dalam konsep sedekah yang menuju matlamat *al-Falah* keusahawanan Islam.

Ringkasan dapatan kajian bagi bentuk-bentuk sedekah adalah seperti dalam rajah 1 berikut.



Rajah 1: Ringkasan Bentuk-bentuk Sedekah

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Keutamaan Orang yang Berhak Menerima Sedekah

Kajian ini turut mengupas berkaitan dengan keutamaan orang yang berhak menerima sedekah sebagai panduan dalam mencapai konsep *al-Falah* keusahawanan Islam. Pada hakikatnya, sedekah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja tetapi terdapat beberapa golongan yang lebih utama dalam pemberian sedekah. Selain daripada melepaskan kesusahan mereka, pemberian sedekah itu juga dapat merapatkan silaturahmi antara pemberi sedekah dengan penerima sedekah. Dalam kajian ini, pengkaji juga telah mengetengahkan golongan-golongan yang lebih utama untuk menerima sedekah berdasarkan kepada al-Quran dan hadis. Golongan-golongan tersebut adalah seperti berikut;

Saudara Terdekat

Saudara terdekat merujuk kepada orang yang mempunyai pertalian darah atau kekeluargaan dengan kita seperti suami, isteri, anak-anak, adik beradik dan saudara mara. Dalam konteks sedekah pemberi sedekah perlu mengutamakan keluarga terlebih dahulu jika kaum keluarga kita mendapat kesusahan dan memerlukan pertolongan. Sebagai mana perintah Rasulullah SAW kepada Abu Talhah RA dalam hadis, baginda yang bermaksud: “*Sedekah kepada orang miskin mendapat satu sedekah, dan sedekah kepada kerabat mendapat dua pahala iaitu pahala sedekah dan pahala menghubungkan silaturahmi*” (Riwayat Imam Ahmad, Ibnu Majah, Nasai)

Anak Yatim

Anak yatim bermaksud kanak-kanak yang kematian ibu atau bapa. Mereka ini termasuk dalam golongan asnaf yang boleh menerima zakat. Malah sedekah juga mereka lebih diutamakan berbanding dengan mereka yang masih mempunyai ibu atau bapa kerana mereka telah

kehilangan ketua keluarga yang sepatutnya menyara hidup mereka. Agama Islam sangat mengambil berat tentang hal-ehwal anak-anak yatim ini kerana baginda Rasulullah SAW juga merupakan anak yatim piatu. Setiap manusia diperintahkan untuk berlaku baik dan berlemah lembut dengan mereka, malah dengan menggosok kepala anak yatim juga di beri ganjaran pahala. Rasulullah SAW telah mengkhabarkan bahawa kedudukan yang mulia menanti mereka yang berbuat baik kepada anak yatim. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 83 yang bermaksud:

"Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin"

(Surah al-Baqarah 2: 83)

Membantu anak yatim terutamanya mereka yang hidup susah merupakan sebaik-baik pertolongan. Hukum sedekah kepada anak yatim adalah sunat malah lebih afdal jika anak yatim itu dalam kalangan keluarga terdekat dan yang tidak mempunyai penjaga.


Orang Miskin

Menurut Imam Syafie maksud miskin ialah orang yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan dan orang yang mempunyai harta atau pekerjaan tetapi pendapatannya kurang daripada $\frac{1}{2}$ keperluannya dan tidak ada orang yang lain menanggung keperluannya. Oleh yang demikian maka bersedekah kepada golongan ini lebih afdal dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT. Sedekah kepada golongan miskin ini bukan sahaja memberi wang ringgit tetapi lebih kepada kepakaran atau kemahiran supaya mereka boleh berdikari dan menguruskan kewangan keluarga. Antara kemahiran-kemahiran ini adalah seperti kemahiran jahitan, masakan, pertanian dan lain-lain lagi. Terdapat beberapa kebaikan apabila bersedekah kepada golongan fakir dan miskin seperti dapat menghilangkan rasa kurang senang golongan miskin terhadap golongan kaya dan berharta, dapat menimbulkan rasa kasih sayang dalam masyarakat Islam serta mengelakkan perasaan dengki dan iri hati dan dapat menghilangkan kesusahan yang dialami oleh orang miskin. Keadaan ini menggambarkan bahawa Islam itu indah dan sempurna. Oleh yang demikian maka setiap orang Islam dituntut untuk bersedekah kepada siapa sahaja tetapi yang lebih afdal ialah dengan meringankan beban golongan miskin.

Saudara Baharu (Muallaf)

Muallaf bermaksud orang yang baharu memeluk agama Islam. Sebagai mana yang kita ketahui bahawa golongan ini juga merupakan salah satu asnaf yang telah dinyatakan dalam al-Quran yang berhak menerima zakat yang wajib. Begitu juga dengan sedekah mereka juga memerlukan bantuan kita kerana mungkin mereka sudah dibuang oleh keluarga, walaupun dahulu golongan muallaf ini berharta. Tetapi kerana cintakan Islam mereka sanggup meninggalkan segala-galanya demi untuk agama Islam yang suci ini. Namun, rutin kehidupan lama sudah mereka tinggalkan sedikit demi sedikit disebabkan fahaman agama Islam yang semakin kuat mempengaruhi mereka dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi ajaran yang bercanggah dengan agama Islam (Mokhtar & rakan-rakan, 2021e). Malah ada juga muallaf yang kaya tetapi sebagai orang Islam kita perlu mengutamakan mereka dalam senarai penerima sedekah kerana mereka berhak malah dalam al-Quran juga ada menyebut tentang golongan muallaf ini sebagai penerima zakat dan sedekah. Pemberian sedekah merupakan satu tali pengikat supaya mereka rasa diterima sebagai saudara sesama Islam. Oleh yang demikian maka muallaf merupakan golongan yang perlu diutamakan dalam senarai menerima sedekah.

Ringkasan keutamaan bagi orang yang berhak menerima sedekah adalah seperti rajah 2 berikut.



Rajah 2: Ringkasan Keutamaan Orang Yang Berhak Menerima Sedekah

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa budaya sedekah ini sangat berkait rapat dengan konsep *al-Falah* dalam keusahawanan Islam. Dengan melaksanakan budaya bersedekah dalam kehidupan, keberkatan dan nilai rezeki seseorang itu akan bertambah serta perniagaan dan perusahaan yang dijalankan oleh seseorang usahawan itu akan terus maju. Budaya sedekah yang diamalkan mengikut tatacara dan kehendak Islam sudah pasti akan mendatangkan hasil yang berlipat ganda sepertimana yang telah di janjikan oleh Allah SWT. Konsep *al-Falah* yang dibentuk oleh al-Qurtubi ini sememangnya sangat sesuai untuk diaplikasikan oleh seluruh para usahawan dan ia sejajar dengan tuntutan agama. Semoga dengan mengetahui dan memahami budaya sedekah ini dapatlah kita sama-sama menerapkannya dalam kehidupan seharian agar seluruh hela nafas kita sewaktu di bumi ini mendapat keberkatan dan rahmat dari Allah SWT.

Rujukan

Al-Quran.

Abd Muin, M. A., Abdullah, S., & Bahari, A. (2015). Keusahawanan Sosial Islam: Konsep dan Amalan. National Research Seminar 2015. 285-296.

Abdullah, S. (2013). Memperkasa Pembangunan Insan Melalui Amalan *Infaq*. SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan, 6(2) November 2013.

Al-Qaraḍāwī, Yusūf. (2001). *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī*. Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.

Hasbullah, A. R. (2000). *Taqarrub Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT*. Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers.

Maidin, I., Mokhtar, S., Othman, I. W., & Moharam, M. M. (2021). Peranan Motivasi Dakwah dalam Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 157 - 169.

Mohamed, A. I., & Mohd Shafiai, M. H. (2021). Peranan Pentadbiran Zakat, Infaq, Sedekah dan Wakaf dalam Sekuriti Makanan di Kalangan Golongan Rentan ketika Krisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*. Vol. 3, No. 4, 37-55.

Moharam, M. M., Mokhtar, S., Othman, I. W., & Maidin, I. (2021). Cabaran Keusahawanan Tuisyen Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kaedah Interaktif: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 170 - 176.

Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021d). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 140-156.

Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021c). Nilai Moral dalam Sajak ‘Ke Makam Bonda’ Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai dan Struktur serta Kaitannya dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol. 6. Issue 41. (July 2021). 76-91.

Mokhtar, S., Othman, I. W., & Thia, K. (2021a). Implementasi Konsep al-Falah dalam Aspek Keusahawanan Islam Menurut Perspektif al-Qurtubi: Satu Analisis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 144 - 156.

Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021e). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.

Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021b). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.

Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022). Analisis Persamaan dan Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.

Osman, A.R., Hussin, Z., & Sulaiman, A.M. (2019). Analisis Faktor Keagamaan Terhadap Amalan Bersedekah dalam Kalangan Mahasiswa Islam: Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal al-Hikmah*, 11(1) 2019: 97-117.

Othman, I. W., Mokhtar, S., Maidin, I., & Moharam, M. M. (2021b). The Relevance of The National Entrepreneurship Policy (NEP) 2030 In Meeting the Needs and Strengthening the Country's Entrepreneurial Ecosystem: A Snapshot. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 79 - 100.

Othman, I. W., Mokhtar, S., Tham, A., & Yong, K. (2021a). The Significance of Entrepreneurship Education Literacy in The Era of Digital Transformation: Graduates

of The Post-Pandemic Covid-19 Unemployment Crisis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 1 - 21.

Ripin, M. N., & Mansur, N. H. (2010). *Keusahawanan Menurut Perspektif al-Quran*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. pp. 1-9.

Siddiqi, M. N. (1979). *The Economics Enterprise in Islam*. Markazi Maktaba Islami: New Delhi.